



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH - IKRAM MALAYSIA

Bil Keluaran : 11

Siri : 1438H/01 Edaran untuk ahli IKRAM sahaja

Bulan: Rabiul Akhir - Jamadil Awal 1438H

Taujihat



Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad, Presiden IKRAM

Bingkisan Tarbawi



Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria Pengerusi JK Tarbiah Pusat

Al-Taujihat Al Ukhti Murabbiah



Ustazah Kamaliah Noordin Pengerusi JK Pementapan Keluarga Ahli (PeKA)

Pengurusan Daie



Zaharudin Othman YDP Perwakilan IKRAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Menjayakan Agenda Perubahan

Assalamualaikum w.b.t. Selamat bertemu kembali ikhwah dan akhawat yang dimuliakan. Semoga sentiasa di bawah naungan dan rahmat dari Allah. Semoga tahun 2017 ini akan membawa perubahan diseluruh sisi kehidupan kita sama ada dari sudut individu, rumahtangga, masyarakat dan negara tercinta kepada kehidupan yang lebih mendekati syariat Islam, mencintai Allah dan Rasul SAW.

Sesungguhnya proses perubahan kepada kehidupan yang lebih baik akan gagal sekiranya tiada perancangan yang rapi, komitmen, kehendak yang kuat serta istiqomah untuk mencapai apa yang dihajati.

Begitu juga agenda perubahan dan islah yang sedang dibawa oleh IKRAM melalui Rancangan IKRAM (RI 2016/19) tidak akan berjaya tanpa ahli memahami konsep yang jelas terhadap Manhaj Taghyir dan Islah serta langkah-langkah perubahan yang sedang dibawa oleh IKRAM mengikut keutamaan yang telah digariskan.

Sehubungan dengan ini Tarbiatuna pada keluaran ini membawa pembaca kepada konsep maqasid syariah, memahami maksud manhaj taghyir dan menjelaskan peranan naqib serta menjelaskan peranan individu melalui SPDC (Sistem Pengurusan Daei Cemerlang) untuk menjayakan agenda perubahan. Tidak lupa juga ditekankan bahawa keluarga yang rahmah juga sebagai penjana kepada kejayaan agenda perubahan yang sedang dibawa oleh IKRAM.

Dari Meja Editor



Mutiara Al-Quran



..إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُ وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِن وَّالٍ

..Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu dan tidak ada sesiapa yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya. (Al-Rad: 11)

Mutiara Hadith



Dari Abdilllah bin Mas'ud ra. bahawa Rasulullah saw bersabda, "Orang yang mempunyai sifat sombong sedikit saja di dalam hatinya tidak akan masuk surga." Seseorang berkata, "Bagaimana halnya oleh seseorang yang mempunyai pakaian-pakaian yang indah dan sepatu-sepatu yang indah?" Rasulullah saw bersabda, "Allah itu indah dan Allah menyukai keindahan (Seseorang tidak disebut sombong jika ia mempercantik dirinya). Kesombongan terletak pada penolakan terhadap kebenaran dan memandang orang lain rendah." (Hadth Riwayat Muslim)

Mutiara Hikmah

"Kitab yang terletak di perpustakaan sedikit yang membacanya, tetapi seorang muslim sejati adalah laksana 'kitab terbuka' yang semua orang membacanya. Ke mana saja ia pergi, ia adalah 'dakwa' yang bergerak"

~Imam Hasan Al-Banna~

Diterbitkan oleh : Jawatankuasa Tarbiah Pusat, Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM),

No. 6, Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sungai Besi Indah, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan MALAYSIA

Tel: +603-8945 6999, +603-8945 3666 Fax: +603-8945 1772 Emel: info@ikram.my

Ustaz Dr Hj. Mohd Parid Sheikh Ahmad
Presiden IKRAM

IKRAM & MAQASID SYARIAH

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول
الله وعلى آله وصحبه ومن وآله وبعد

Apakah IKRAM sebagai sebuah organisasi Islam memiliki keserasian untuk menjayakan maqasid syariah, menjadikan maqasid syariah dapat dicapai menerusi usaha-usaha perjuangannya.

la satu persoalan yang hanya dapat dijawab menerusi penilaian terhadap usaha-usahanya sepanjang perjalanan perjuangannya berasaskan garis panduan perancangannya dalam semua tahap perjuangan yang telah dilalui dan yang akan ditempuhi pada masa-masa hadapan, merentasi berbagai-bagai fasa yang penuh dengan berbagai-bagai cabaran.

Pertubuhan IKRAM Malaysia sebagai sebuah wadah perjuangan umat Islam di Malaysia setakat ini telah menampilkan keserasian yang maksimum dalam konteks menjayakan maqasid syariah.

Ini lantaran pendekatannya dalam amal sentiasa mengambil bentuk pendekatan siasah syar'iyah, pendekatan yang terbaik, adil, berimbangan, sejajar dengan fitrah manusia dan alam semesta.

Satu pendekatan amal yang akan memelihara nilai kehidupan manusia, kemanusiaan manusia, institusi kemanusiaan, lingkungan kehidupannya dan alam semesta.

Semua wasail yang diguna IKRAM bermatlamat mencapai ke seluruh maqasid syariah di setiap tahap perjuangan secara beransur-ansur, bertahap-tahap, kebanyakannya ditujukan kepada pelastarian kemanusiaan manusia dan kehidupannya.

IKRAM sebagai gerakan Islam di Malaysia beriman dengan perubahan manusia sebagai agen penting (pivot) kepada usaha-usahanya bagi mencapai seluruh bahagian-bahagian maqasid syariah. Tanpa perubahan manusia yang mendasar terlebih dahulu usaha-usaha tersebut tidak akan dapat mencapai maqasid syariah secara sempurna dan menyeluruh .

IKRAM sentiasa mensasarkan pencapaian aspirasinya, maqasid syariah secara bertahap-tahap sejajar dengan sunnah dan tabiat perubahan manusia dan alam semesta yang ditatangnya. Pendekatan ini membolehkan aspirasinya

dicapai secara sempurna tanpa berhadapan dengan risiko yang tidak perlu.

Ini boleh berlaku lantaran IKRAM merupakan satu wadah perjuangan Islam yang gigih berusaha ke arah menepati kualiti wadah perjuangan Nabi akhir zaman yang sentiasa berusaha untuk melakukan perubahan perjalanan sejarah manusia dan dunia secara menyeluruh dan sempurna secara bertahap-tahap menerusi pelaksanaan Islam yang menyeluruh sebaik-baiknya. Impaknya lahir dalam bentuk pelestarian kehidupan manusia, perjalanan dunia dan kesejahteraan perjalanan alam semesta.

Semua ahli-ahli IKRAM diasuh dengan asuhan Islam terbaik yang mampu diolah, sejajar dengan keperluan perjuangan Islam pada zamannya. Keadaan ini mendorong mereka melakukan yang terbaik dalam usaha mewujudkan suasana masa depan yang lebih baik dalam kehidupan peribadi mereka, kehidupan bermasyarakat dan bernegara, hubungan sesama manusia di peringkat daerah, negeri, negara, rantau dan antara bangsa.

Pegangan mereka terhadap agama tambah mantap, fitrah mereka terus digilap, peribadi mereka menjadi seimbang, adil saksama, susuk kemanusiaannya terpancar jelas, berdiri sebagai manusia soleh yang merdeka, memiliki peribadi yang mulia dan pandangan hidup yang jelas dan benar, peranannya di tengah-tengah lingkungannya membina dan memakmurkan kehidupan, impak kewujudannya pengimbang di tengah-tengah mereka.

Semua usaha ini dilaksanakan IKRAM sepanjang kewujudannya dan sepanjang perjuangannya dengan penuh yakin bersama-sama saudara-saudara seperjuangan di seluruh pelusuk dunia bagi mendokong misi Islam sepenuhnya, menyebarkan luas risalahnya, menegakkan keadilan ke atas semua manusia dan menyebarkan luas rahmah ke arah seluruh penghuni alam semesta.

Usaha-usaha ini akan terus di usahakan IKRAM dan ahli-ahlinya dengan penuh ketekunan dan kesabaran, keazaman dan kegigihan sepanjang hayat lantaran ia merupakan misi hidup matinya bagi menjana keagungan umatnya dan kemenangan agamanya.

IKRAM melihat manusia dan dunia masa kini sedang berhadapan dengan berbagai-bagai kemelut, berada dalam berbagai-bagai krisis, di pingir berbagai-bagai jurang bencana. Ia memerlukan penyelamat yang dapat menyelamatkannya dari keadaan-keadaan sukar di atas yang hanya mampu ditawarkan oleh Islam yang datang dari Allah s.w.t, pencipta Alam semesta.

Tanpa sentuhan Islam yang mendamaikan, santunannya yang penuh rahmah, manusia akan sesat, tidak akan memperoleh hidayat, tidak akan berpegang kepada nilai-nilai kehidupan yang benar, tidak akan bertemu jalan-jalan keluar yang lurus, penyelesaian dan jawapan-jawapan yang tepat kepada berbagai-bagai permasalahan kehidupan yang dihadapi.

Mereka akan sentiasa dirundung malang sepanjang hayat, tidak akan dapat menyantuni diri sendiri, terpisah dari lingkungan kekeluargaan dan kemasyarakatannya yang didambakan, berada dalam persekitaran dan lingkungan yang kucar kacir, tidak aman dan sejahtera.

Di sinilah letaknya kepentingan organisasi perjuangan seperti IKRAM, menyantuni ahlinya dan umat manusia, mengurus kehidupan mereka, perjalanan negara dan dunia dengan unjuran-unjuran Islam dan syariatnya agar manusia dan dunia sentiasa selamat dan sejahtera, berkembang maju ke hadapan, terpelihara dari kemelut, krisis dan ben-

cana yang lahir dari buatan tangan manusia sendiri lantaran kejahatannya sendiri terhadap dirinya, manusia lain, alam dan penciptanya.

Untuk menjana kejayaan bagi episod perjuangan ini, ahli-ahli IKRAM perlu cekal, berusaha keras dan bersabar menatangi semua bentuk cabaran yang menggalangi perjalanan perjuangan mereka, terus menerus mempersiapkan diri dengan keupayaan-keupayaan baru, berlapis-lapis barisan pelopor dan pimpinan yang sudah dipersiapkan untuk maju ke hadapan memikul tanggungjawab membangun sejarah baru umat manusia dan dunia, mewariskan perjuangan mereka kepada generasi-generasi baru selepas mereka agar kejayaan yang telah dicapai akan terus marak menyinari dunia dengan sinarnya, menyantuni kehidupan manusia secepat dan perjalanan alam semesta dengan rahmatnya.

Sebagai pendokong IKRAM, ahli-ahlinya melihat tanggungjawab ini satu kewajipan wajib yang mesti dipikul sepenuhnya agar misi yang dipikul dapat disempurnakan sebaik-baiknya oleh barisan-barisan pimpinan dan para pelopor yang telah dipersiapkan dengan berbagai-bagai keupayaan bagi membangun sejarah baru umat dan dunia, menjana maqasid syariah secara menyeluruh dan sempurna agar kehidupan mereka selepas ini tambah makmur dan sempurna menepati aspirasi sebuah negara rahmah mithali....


MAKTABAH TARBIAH | Buku Pilihan



**AKHLAK PARA NABI:
IBRAH YANG DICARI**

Buku ini memuatkan berbagai aspek akhlak yang dizahirkan dalam diri para rasul ketika berdepan dengan situasi hidup yang berbeza. Ibrah yang diperolehi akan dapat memperbaiki aspek perbuatan, perkataan dan akhlak dalam diri seorang dai'e. Ketika itu, dirinya akan diterima

Penerbit: RHSB
Penulis: Mahmoud Abu Rayyah
ISBN: 9789670965079



**IRSYADUL MUJTAMA':
SUATU KEFARDHUAN**

Pembinaan masyarakat merupakan proses yang bersifat natural (semulajadi), sebagai kesinambungan kepada proses-proses sebelumnya. Bermula dengan individu Muslim, keluarga Muslim dan masyarakat Muslim. Setiap dai'e, pemikir dan murabbi, perlu berusaha keras, untuk menyedarkan masyarakat agar mempraktikkan syariat Allah

Penerbit: RHSB
Penulis: Mahmoud Abu Rayyah
ISBN: 9789670965086

*"..Kamu hendaklah memiliki perpustakaan peribadi sama ada kecil mahupun besar.."
~Hasan Al-Banna~ [Risalah Ta'alim]*



oleh masyarakat yang diseru, justeru melebarkan lagi pengaruh dakwahnya.

Buku ini perlu dibaca oleh setiap dai'e yang ingin menapak jalan dakwah yang penuh dengan liku-liku kehidupan bagi memperoleh petunjuk daripada perjalanan hidup para rasul.

RM 25 | SILA DAPATKAN DI KOMPLEKS IKRAM
SENASKAH

<http://risalahharmoni.com/>

dalam kehidupan.

Buku ini menjelaskan mengenai cara membimbing masyarakat, kepentingannya serta langkah-langkah asas untuk membina masyarakat. Lanya dibawakan bersama contoh-contoh daripada al-Quran dan sejarah pergerakan dakwah dijelaskan adab-adab, wasilah dan uslub membimbing masyarakat bagi membantu para dai'e untuk beramal dalam masyarakat.



Manhaj Taghyir di sisi Ikhwan dan beberapa isu

Nukilan: Dr Muhammad Abd Rahman Mursi – Anggota Maktab Irsyad



Sekitar Keseimbangan antara Pembentukan dan Gerakan atau antara Individu dan Jamaah

Keistimewaan dakwah Imam Syahid ialah dapat merealisasikan keseimbangan ini dan mampu melihat 'big picture' segala tuntutan dakwah dan gerakan, sama ada di peringkat individu atau jamaah secara keseluruhannya. Lalu ISHAB menerangkan: 'Sesungguhnya dakwah ini tidak akan relevan kecuali bagi orang yang mampu menguasai (memahami) semua ruang lingkungannya'.

Sekalipun ISHAB amat prihatin terhadap tarbiah dan pembentukan individu serta berusaha mengislah mereka dan meraikan segala tuntutan pertumbuhan mereka, ia tidak menukar mereka menjadi manusia jumud eksklusif atau membentuk mereka di bilik-bilik tertutup, bahkan ia menolak mereka di dalam masyarakat untuk menyampaikan dakwah dan memandu umat ke arah petunjuk Islam dan akhlaknya, menjadikan masjid asas tempat bertolak dan mengembalikan masjid itu seperti peranannya yang pertama dalam Islam tanpa mengabaikan wasilah dakwah yang lain serta pelbagai lagi institusi masyarakat sebagai medan untuk dakwah dan islah dan menjadikannya sebagai sebahagian dari kewajiban al-akh pada maratib amal; iaitu di samping mengislah diri dan membentuk rumahtangga Islam, dia juga wajib dalam masa sama bergerak aktif dalam masyarakat dan memandu serta mengislah konsep, tingkah laku, mempengaruhi dan menyebarkan dakwah secara serentak sehingga ia tidak tertunda bilamana pembentukan disempurnakan nanti.

ISHAB menjelaskan bahawa paksi dakwah dari takrif (pengenalan), takwin (pembentukan) bagi para pendokongnya serta tanfiz (pelaksanaan) bagi wasilah dan gerakannya tidak terpisah Antara satu sama lain, bahkan ia berjalan seiringan dan selari.

Apa sahaja gerak kerja dan aktiviti seharusnya melalui ketiga-tiga sudut ini;

iaitu 'Takrif' bagi menentukan mesej dakwah melalui aktiviti ini. 'Takwin' bagi menentukan sasaran dalam pembentukan dan tarbiah yang akan dilalui oleh individu dalam gerak kerja, aktiviti dan usaha merawat perkara negatif yang

zahir pada mereka. 'Tanfiz' bagi menekuni amal dan menimba pengalaman serta kemahiran dalam melaksanakan aktiviti ini.

Justeru fokus ke atas individu akan berjalan selari dengan pembinaan jamaah dan gerak kerja dalam masyarakat. Dan kewujudannya di medan untuk mempengaruhi, mengislah dan melakukan perubahan sehingga dapat memimpin dan mendekati pelaksanaan terhadap objektif secara universal yang telah ditunjukkan oleh rukun amal dalam Risalah Ta'alim itu.

Ia bukan sekadar teori, bahkan ISHAB telah menggerakkannya secara praktikal dalam bentuk perancangan yang lengkap, di pelbagai peringkat yang digerakkan oleh jamaah, berkeseimbangan antara dalaman dan luaran, antara tuntutan tarbiah dan kewajiban islah dan gerakan dalam masyarakat serta bagaimana berhadapan dengan peristiwa untuk memandu umat.

Itulah yang dilakukan oleh ISHAB sejak hari pertama dakwah bermula; beliau melaksanakan islah dan dakwah dengan masyarakat dan dalam masa yang sama mentarbiah dan membentuk individu. Buktinya seperti tertubuhnya Persatuan Pentaubat Wanita di Ismailiyah dan gerakan dakwah di kalangan buruh Syarikat Terusan Suez.

Demikian juga kita melihat tertubuhnya gerakan jamaah bersama masyarakat dan kesedaran umat menentang penjajahan Inggeris, juga persatuan yang berjuang untuk mem-bela isu Palestin dan bahaya Zionis. Mereka bersama-sama aktif bagi menghadapi ancaman tersebut sehingga ada di kalangan mereka yang terkorban dan mati syahid.

Sesungguhnya dakwah Ikhwan bukan dakwah rahsia atau dakwah bersifat eksklusif atau dakwah untuk tempat tertentu atau demi maksud dan matlamat tertentu, akan tetapi ia membawa projek Islam yang komprehensif berdasarkan manhaj kenabian bagi membangun umat Islam di seluruh alam.

Berlaku pelbagai peristiwa ke atas jamaah yang menyaksikan penerimaan manusia sentiasa bertambah atau terbukanya peluang untuk penyebaran dakwah dari masa ke semasa. Ia berlaku tanpa disusun dan tanpa didahului dengan persediaan dalaman yang sempurna. Justeru ia menuntut sesuatu pengembangan bagi dakwah untuk menghadapi situasi itu. Ia menuntut penguasaan untuk mereka yang datang menyambut seruan dakwah ini atau dengan kata lain

dakwah perlu mengambil faedah dari peluang dan medan yang sedia terhidang, bukan hanya duduk dan teragak-agak dengan alasan semua itu tiada dalam perancangan terdahulu atau individu belum memiliki persediaan dalaman yang cukup bagi menghadapi perubahan dan pembaharuan.

Maka peluang itu tidak menunggu orang yang bersikap teragak-agak, selama mana peluang sedemikian berjalan selari ke arah matlamat umum dakwah dan akan merealisasikan masalah bagi dakwah ini.

Kadang-kadang berlaku peristiwa mengenai batang tubuh jamaah (kerana ia memandu masyarakat) ketika itu sehingga menuntut jamaah menyatakan pendirian dan memberi reaksi yang mungkin lebih besar dari saiz atau kemampuan sebenarnya. Dalam situasi seperti ini jamaah mesti mengambil tanggungjawab dan tidak seharusnya berlepas diri, namun perlu ditentukan sedetailnya (memperincikan) sasaran, bebanan dan langkah yang diperlukan, perlu dipisahkan antara yang boleh dan yang mustahil untuk dilaksanakan dengan syarat tidak terkeluar dari perancangan umum dakwah pada prinsipnya.

Adapun berhujah untuk tidak terlibat (dengan masyarakat) sehingga sempurna pembentukan dan tarbiah individu merupakan konsep yang cacat terhadap dakwah.

Ia terkeluar dari medan pengaruh dan melemahkan peranannya dalam masyarakat. Ia juga tidak akan merealisasikan pembentukan tarbawi sebenar bagi individu dengan menyisihkan mereka dan memasukkan mereka ke daerah tertutup dari situasi-situasi ini. Ia juga konsep yang berlawanan dengan perjalanan dakwah yang dipraktikkan semasa hayat Imam Syahid.

Di antara kesilapan juga dalam hal ini ialah tenggelamnya individu dalam gerak kerja dan aktiviti ketika menghadapi peristiwa dan pendirian tanpa memiliki kejelasan misi, tanpa menguasai apa objektif dakwah dan gerak kerja mereka, tanpa memiliki kemampuan menyerap manfaat dari realiti sekeliling dan perubahannya untuk kebaikan perancangan mereka atau kita disibukkan oleh gerak kerja dan aktiviti dari usaha memfokuskan pembinaan tarbawi individu dan berusaha mendapatkan kader-kader baru untuk saff, bahkan sepatutnya dakwah dapat memanfaatkan suasana itu untuk memperdalam dan merealisasikan pembinaan yang diharapkan dan tidak memesongkan kita dari berinteraksi bersama perubahan-perubahan baru yang berlaku daripada perancangan utama kita bahkan sebaik-baiknya kita halakan hasilnya nanti untuk kemaslahatan dakwah.

Berkaitan persoalan yang dilontarkan adakah membentuk jamaah dikira sebagai wasilah ataupun matlamat? Sesungguhnya misi jelas untuk membangunkan dakwah menegaskan bahawa jamaah bukan wasilah dan bukan matlamat. Sesungguhnya jamaah adalah kefardhuan yang

wajib bagi merealisasikan taklif syarie. Jamaah akan sentiasa berdiri selama mana taklif syarie yang menghendaki ia dibentuk tidak ternafi. Silap siapa yang menyangka bahawa pembentukan tarbawi bagi individu adalah satu marhalah dan gerak kerja bersama masyarakat adalah marhalah berikutnya. Gerak kerja bersama diri dan masyarakat adalah unit yang satu seumpama dua wajah dari satu syiling yang tidak terpisah, kedua-duanya berjalan bersama dan saling mempengaruhi. Keimanan seorang individu dan usahanya menyampaikan risalah kepada manusia adalah wajib walaupun sekadar satu ayat dari Kitab Allah dan maratib amal yang telah ditunjukkan oleh ISHAB dari pembentukan individu, rumahtangga dan masyarakat adalah maratib yang selari dan bergandingan, bukan marhalah-marhalah yang berpindah-pindah. Akan tetapi usaha dan wasilah yang diguna pakai kadang-kadang meluas atau menyempit atau mengembang sesuai situasi dan keadaan yang di tempoh oleh jamaah pada mana-mana paksinya.

Di antara perkara penting dalam bab faham dan amal khususnya bagi mereka yang terlibat secara langsung dalam usaha islah masyarakat ialah jangan dia lupa kepada jamaah, objektifnya dan kerja untuk memperkasakan tiang-tiang, memperteguh asas-asasnya dan meninggikan binaannya. Ia adalah fokus utama pada mana-mana usaha pengislahan yang kita inginkan; iaitu memusatkan usaha bagi merealisasikan matlamat terpenting. Itulah yang disebut sebagai kaedah sulbah yang memandu dan mengarah serta kekal kukuh ketika berhadapan dengan tekanan dan halangan, menjamin agar tidak terpesong dari jalan yang lurus. Tidak wajar sama sekali bagi mereka yang bekerja dalam safnya berkata sesungguhnya kita telah melepasi marhalah jamaah dan fokus kita sekarang ialah pada marhalah masyarakat.

Sesungguhnya sebarang usaha meleburkan jamaah atau melemahkan binaannya atau mengabaikan batang tubuh dan perkembangan jamaah atau melemahkan peranannya memimpin dalam dakwah atas apa alasan sekalipun boleh dianggap sebagai pukulan yang ditujukan kepada matlamat Islamiah yang terbesar iaitu projek Islam bagi membangkitkan umat dan mengembalikan kekuasaan mengambil peranan memimpin dunia ini sekali lagi.

Dengan keseimbangan di antara takwin (pembentukan) dan harakah (gerakan), di antara dalaman dan luaran atau di antara tuntutan individu dan tuntutan jamaah di medan pengaruh dan gerakan bagi dakwah ini merintis jalannya, dan dengan kemampuan menguasai perubahan dan pembaharuan dan sentiasa mengikuti perkembangan peristiwa serta merebut peluang, jamaah pasti akan berjalan ke arah merealisasikan matlamatnya tanpa kecacatan atau kelemahan atau penyelewengan dari usul dan matlamat utama dakwah.

والله الموفق وهو الهادي إلى سواء

والله أكبر والله الحمد السبيل

KETERAMPILAN NAQIB DALAM MENJAYAKAN PERUBAHAN



Murabbi atau naqib adalah paksi dalam dakwah. Mereka antara rukun penting bagi menjayakan proses tarbiah. Tanpa mereka akan cacatlah perjalanan dakwah dan tarbiah. Justeru para naqib perlu dibangunkan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa untuk menjayakan misi dan visi dakwah. Dakwah dan tarbiah tidak hanya berkait dengan pembinaan dalaman sahaja. Ia juga bersifat lahiriah yang dapat dilihat dan dirasai oleh masyarakat sekeliling.

Hakikat yang dinyatakan di atas dapat difahami apabila kita mengkaji perjalanan dakwah Rasulullah s.a.w. Pentarbiahan para sahabat radhiallahu anhum membentuk rijal yang bekerja siang dan malam sebagai agen perubahan masyarakat. Keberadaan mereka disedari dan arus perubahan yang dibawa amat berpengaruh. Sebab itu pendokong jahiliah menghalang mereka dengan menggunakan segala kekuatan yang ada.

Dalam konteks dakwah kita dewasa ini, keterampilan naqib sewajarnya selari dengan tuntutan semasa. Berikut adalah beberapa aspek yang mesti dibangunkan bagi menjayakan perubahan yang kita inginkan:

a) Tarbiah yang berkaitan langsung dengan diri naqib:

1. Rasa tanggungjawab yang tinggi seorang naqib di hadapan Allah s.w.t. dan dia akan memikul amanah tersebut di hadapanNya.
2. Sentiasa ikhlas dalam setiap amal dan menghindari sifat-sifat ujub, angkuh, riyak, sum'ah serta menanam perasaan bahawa dia sangat perlu kepada jamaah ini, bukan sebaliknya.
3. Tidak bergantung dengan kedudukan; sama halnya dia dikedepankan atau dikebelakangkan serta selalu menguatkan semangat jundiyah.
4. Sentiasa bermuhasabah dirinya seperti yang dilakukan oleh Umar ibn Khattab RA.
5. Hendaklah dia memiliki bekalan khusus dari ibadah dan ketaatan yang dengannya dia mendapatkan kekuatan ruh dan menggamit bantuan Allah serta memperbanyakkan doa kepada Allah.
6. Hendaklah dia selalu memiliki kekuatan ruh yang tinggi, semangat yang membara dan tekad yang kuat.

b) Tarbiah yang berkaitan dengan tugasnya:

1. Memiliki tajarrud yang sempurna; iaitu mengikat setiap anggota dengan jamaah, bukan dengan individu

@ tokoh serta tidak mengongkong anggotanya dari anggota lain dalam jamaah.

2. Amanah dalam memindah maklumat dan penyampaian.
3. Mengembangkan potensi dan keupayaan diri serta mampu untuk berusaha menajamkan kemahiran yang diperlukan.
4. Lebih mengutamakan kerja dan menjauhkan diri dari keriuhan dan meninggikan suara, sentiasa bertawakal, mengutamakan isi @ kandungan. Adalah baik baginya memiliki buku tanpa judul dari memiliki judul tanpa buku.
5. Sentiasa memelihara syura dan institusi, disiplin kerja dan mengutamakan mereka yang berkelayakan.
6. Menerima nasihat daripada mana pun datangnya.
7. Meraikan adab-adab muhasabah dan merujuk. Hendaklah tegas dan mampu membuat keputusan.
8. Hendaknya dia menjadi qudwah bagi siapa yang bersamanya dalam isu ketaatan, disiplin dan lainnya.
9. Mampu menyesuaikan diri dengan suasana serta menghidupkan ruh ukhuwah, kasih sayang dan saling membantu.
10. Menjaga keadilan dan kesamaan dalam hubungan sosialnya, mampu membuat pertimbangan dan memutuskan sesuatu dengan tepat serta bersandar kepada kebenaran dan bukti.

c) Tarbiah yang berkaitan dengan anggota:

1. Berlapang dada, bersangka baik dan thiqah terhadap ikhwah yang lain kerana mereka sama-sama memikul tanggungjawab.
2. Memiliki kemahiran tarbiah dalam menyampaikan taujih dan bahan-bahan tarbiah sebagai satu tanggungjawab serta mengembangkan potensi dan taulif yang sesuai.
3. Memiliki kemampuan untuk menguasai anggota, menghadapi masalah dan memberi penyelesaiannya.
4. Mampu mengenali tabiat dan keadaan anggota.
5. Mewujudkan makna taaruf, tafahum dan takaful dengan sempurna di antara anggota.
6. Tidak menyembunyikan ilmu, mampu memindahkan pengalaman dan potensi kepada mereka yang bersamanya serta bekerja keras untuk mewariskan dakwah kepada generasi baru.

Menggerakkan RI dalam konteks Manhaj Taghyir

Oleh : Ustaz Abdul Muhaimin Muhammad Shahr

Dalam usaha membangun kembali peranan khira umat, tasawwur perubahan yang perlu wujud dalam fikiran para duat mestilah bertunjangkan rujukan yang sahih. Sejarah perjuangan Rasulullah s.a.w telah menunjukkan terdapat kesan yang ketara dari manhaj perubahan yang dilaksanakan, di antaranya ialah; perubahan yang menyeluruh bukan juz'iy, perubahan yang mendalam bukan luaran, perubahan dari bawah bukan dari pucuk, perubahan yang bertahap-tahap tidak mendadak, perubahan yang berterusan tidak terputus atau bermusim dan akhir sekali perubahan yang bersifat global bukan lokal.

Malaysia menjadi negara rahmah merupakan visi IKRAM, dan perjuangan membangun sebuah masyarakat maju berasaskan manhaj taghyir yang tepat merupakan misi penting dalam menggerakkan perubahan ini, namun pengoperasian manhaj taghyir ini mestilah mengambil kira realiti dan persekitaran. Dari sinilah datangnya Rancangan IKRAM yang memenuhi ciri-ciri manhaj taghyir di atas.

Berbagai institusi ditubuhkan untuk memenuhi makna kesyukuran. Pentarbiahan ahli melalui berbagai wasail serta marhalah, dan yang terkini melalui sistem pengurusan da'ie cemerlang (SPDC) dan Model Kepimpinan IKRAM (MKI) untuk memenuhi makna perubahan yang mendalam. Program Rabtul 'Am dan aktiviti berkaitan masyarakat madani pula untuk memenuhi makna perubahan dari bawah dengan

mendidik masyarakat bersama-sama memikul taklif Ilahi. Penekanan kepada membangun generasi pelapis seperti aktiviti IKRAM Siswa, IKRAM Teens, IKRAM Junior dan IKRAM Kids dan seumpamanya adalah untuk memastikan makna perubahan yang berterusan dari satu generasi ke generasi berikutnya sehingga tercapai visi. Rancangan IKRAM (RI1619) adalah manifestasi kepada makna perubahan bertahap-tahap atau tadarruj. MyCare dan segala agensi di bawahnya begitu juga MUSLEH dan penglibatannya di peringkat antarabangsa untuk memenuhi tuntutan perubahan yang bersifat 'alami atau global.

Ahli IKRAM mesti yakin dengan manhaj taghyir yang sedang dilaksanakan yang bertunjangkan konsep syura. Segala usaha dalam menjayakan visi dan misi jamaah adalah merupakan ubudiah kita kepada Allah swt yang menuntut kesungguhan dan keikhlasan. Kita tidak ragu dengan manhaj taghyir yang kita lalui ini, namun dari sudut perlaksanaannya masih terdapat banyak lagi ruang-ruang islah yang boleh kita usahakan bersama-sama.

Semoga Allah swt sentiasa memberikan taufik kepada seluruh lapisan kepimpinan dan ahli-ahli IKRAM untuk terus thabat dalam perjuangan menegakkan Islam sebagai al-Deen yang diredhai Allah swt. Ameen!!!

Zaid bin Tsabit r.a. berkata: Bersabda Nabi saw, "Hai sekalian manusia, solatlah di rumah, maka sesungguhnya seutama-utama solat seseorang itu adalah di rumahnya, kecuali solat fardhu." (Bukhari - Muslim)

smradhi.photographer@2014

Masjid As-Salam, Puchong Perdana

bersambung dari m/s 6

9. Saling berhubungan dengan ikhwah yang lain, berinteraksi dengan mereka dan berada di barisan hadapan pada medan dakwah.
10. Menjaga hubungan dan komunikasi yang baik dengan generasi lama dan baru di kalangan anggota.

Keterampilan naqib seumpama yang tersebut di atas mustahil dapat dilahirkan dalam waktu sehari semalam atau jalan singkat tertentu. Ia hanya boleh dijayakan dengan

ketekunan, latihan dan pengarahannya yang berterusan. Kita tidak mengatakan bahawa seorang naqib dalam segenap sudut mesti memenuhi semua sifat-sifat tersebut, akan tetapi paling tidak ada standard minima untuk dilakukan. Kemudian secara berperingkat berusaha ke arah penyempurnaan dan latihan peningkatan kualiti melalui pelbagai wasilah tarbiah sedia ada. Dengan demikian diharapkan para naqib dapat menjayakan perubahan yang menjadi matlamat dakwah ini insya-Allah.

-----والحمد لله رب العالمين-----



Ustazah Kamaliah Noordin

Pengerusi JK Pemantapan Keluarga Ahli (PeKA)

Kesejahteraan Keluarga Du'at

Tonggak Kejayaan Rancangan IKRAMI(RI)

Rancangan IKRAM (RI) merupakan satu usaha untuk meletakkan hala tuju dan mengatur perjalanan dakwah serta pelaksanaan usaha mencapai objektif secara terancang dan tersusun. Melalui RI ini, kepimpinan IKRAM berkongsi visi, misi dan strategi dengan setiap lapisan ahli. Hal ini sangat penting kerana kejayaan IKRAM mencapai objektif-objektifnya banyak bergantung kepada kefahaman dan dokongan ahli.

Namun mungkin tidak ramai yang menyedari bahawa satu tonggak penting dalam kejayaan IKRAM mencapai wawasannya melalui RI adalah kesejahteraan keluarga ahli dan penggeraknya.

Peri pentingnya setiap daie berada dalam lingkungan keluarga sejahtera demi kelangsungan dakwah dan perjuangan boleh dilihat dari sirah Rasulullah s.a.w. sendiri. Sejak dari awal nubuwah, bahkan sebelum itu lagi, Allah telah menganugerahkan kepada baginda seorang isteri, Khadijah, yang sangat memahami perjuangannya, dan sanggup melakukan apa sahaja demi kejayaan misi Rasulullah s.a.w., khatimul anbiya'. Allah memilih Khadijah sebagai ratu hati, pendokong, penasihat dan pendamping utama Rasulullah s.a.w. ketika saat-saat penting dan berat pada awal nubuwah.

Umum mengetahui bagaimana Khadijah merupakan tempat Rasulullah s.a.w. mendapat ketenangan dan kekuatan, seperti mana dalam peristiwa Rasulullah menerima wahyu pertama. Baginda kembali kepada isterinya sambil meminta 'zammiluni..

zammiluni..'. Baginda tidak pergi mencari sahabat-sahabatnya seperti Abu Bakar atau Umar.

Malahan dalam Surah Ar Rum 30: 21, Allah telah menjelaskan perkara ini.

“ Dan di antara tanda-tanda kekuasaannya dan rahmatnya, bahawa di ciptakan untukmu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri dari jenis mu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya...”

Dan dalam Surah Al-Furqan: 74.

“ dan juga mereka berdoa dengan berkata ‘ Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat kami perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya...”

Begitu juga, Hasan al Banna telah menyatakan bahawa maratib amal adalah, diri, keluarga, masyarakat dan seterusnya negara. Kenapakah keluarga perlu disantuni dan di bina sebelum membina masyarakat dan negara? Ini adalah kerana keluarga bukan hanya merupakan batu bata binaan masyarakat, tetapi ianya juga merupakan anchor kepada semua duat yang ingin bekerja untuk pembinaan masyarakat dan negara, hatta alam semesta.

Bagaimanakah memelihara kesejahteraan Keluarga?

Persoalan yang selalu bermain di minda mereka yang prihatin ialah bagaimana membina dan mengekalkan kesejahteraan keluarga? Dalam konteks ini, perkara-perkara

berikut perlu di beri perhatian.

1. Sejahterakan hubungan kekeluargaan.

Kesejahteraan hubungan kekeluargaan boleh dicapai dengan membiakan beberapa langkah atau tindakan yang kecil tapi penuh bermakna, seperti menunjukkan kasih sayang dan mengambil berat sesama ahli keluarga secara ikhlas. Menganggap bahawa isteri atau suami juga anak-anak tentu tahu yang kita sayang mereka adalah kesilapan yang besar. Kasih sayang dan sikap ambil berat ini harus dilahirkan melalui perbuatan dan lisan.

Di samping itu, cara berkomunikasi dalam keluarga perlulah dilihat kembali. Seorang ayah atau ibu, juga suami atau isteri perlu menjadi pendengar yang baik. Hal ini harus dilaksanakannya bukan hanya kepada kata-kata lisan, tetapi juga bahasa badan. Kadang kala bahasa badan lebih menerangkan duduknya sesuatu perkara, berbanding kata-kata. Seperti mana sebuah gambar boleh menceritakan lebih dari 1000 perkataan, begitu juga bahasa badan. Komunikasi berkesan merupakan alat yang paling berharga untuk mencegah masalah-masalah kekeluargaan dari berputik dan seterusnya merebak.

Ketua keluarga, sama ada ayah atau ibu, perlu juga mengatur dan mengurus masa secara optimum agar dapat meluangkan masa berkualiti bersama anak-anak atau ahli keluarga. Masa berkualiti dan perhatian adalah

hak setiap ahli keluarga, baik suami, isteri, anak-anak, atau ibu bapa sendiri. Namun masa berkualiti ini merupa sesuatu yang boleh menjadi perkara yang sukar dipegang, sekiranya kita tidak tegas dengan diri sendiri. Kecenderungan untuk menanggukannya sambil berniat menggantikannya di masa akan datang adalah alasan untuk menyedapkan hati sendiri atas kegagalan menyempurnakan hak. Hakikatnya, mengganti masa berkualiti bersama keluarga di masa hadapan adalah lebih sukar berbanding melaksanakannya mengikut jadual yang telah ditetapkan.

2. Keselamatan keluarga

Keselamatan keluarga adalah satu lagi perkara yang perlu di beri fokus bagi menyejahterakan keluarga. Keselamatan rumah dan persekitaran adalah tanggung jawab ketua keluarga. Bagaimanakah hati akan tenteram menjalan strategi dakwah sekiranya anak-anak di rumah tidak dipastikan keselamatannya. Ini termasuklah langkah-langkah keselamatan yang perlu ahli keluarga laksanakan jika berlaku kecemasan. Sepatutnya telefon bimbit ayah atau ibu sentiasa boleh dihubungi oleh ahli keluarga. Elakkan program di mana telefon tidak dibenarkan

dan di simpan oleh penganjur. Tapi sekiranya tidak boleh dielakkan, maka perlu ditinggalkan nombor telefon yang boleh dihubungi.

Para duat juga perlu memastikan keselamatan ahli keluarga dalam dunia siber. Penerangan dan didikan bagaimana menjaga keselamatan diri dalam dunia siber harus menjadi keutamaan, seperti juga menjaga dan menasihati mereka menjaga keselamatan apabila ke sekolah atau keluar dengan rakan-rakan.

3. Penjagaan Kesihatan

Satu perkara yang sangat penting dalam kehidupan ialah kesihatan. Aspek kesihatan sangat perlu di jaga sekiranya para duat ingin bekerja secara berkesan. Ahli keluarga yang kerap sakit akan pasti menjejaskan penumpuan terhadap pelaksanaan peranan dalam strategi RI. Dari itu, pastikan kesihatan keluarga sentiasa terjaga. Ambil langkah-langkah pencegahan, berbanding langkah rawatan. Amalan pemakanan bernutrisi adalah amat penting, di samping gaya hidup sihat.

Namun harus diingatkan bahawa kes remaja dan kanak-kanak mengalami fenomena tekanan(stress) dan

kerisauan (anxiety) mengalami peningkatan ketara. Maka aspek kesihatan psikospiritual juga harus di ambil berat.

Penutup.

Jelaslah bahawa sekiranya ahli IKRAM berazam untuk bersungguh dalam melaksanakan RI, maka kesejahteraan keluarga harus dipelihara, bukan di sisihkan atau diletak sebagai nombor dua. Seperti yang telah di tunjukkan oleh Rasulullah s.a.w., dalam kesibukan baginda, kesejahteraan keluarga tetap dianggap penting, kerana keluarga yang sejahtera akan memberi kekuatan dan ketenangan kepadanya bagi melaksanakan tanggung jawab dengan berkesan.

Marilah kita melaksanakan amanah terhadap keluarga kita dengan penuh rasa tanggung jawab.

“Hai orang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah & rasul (Muhammad) dan janganlah kamu mengkhianati amanah yang di percayakan kepadamu, sedang kamu menngetahui” (Al Anfal 8:27)



SEBAHAGIAN AKTIVITI KITA

Membina Kemahiran Modal Insan

23 Oktober 2016. Shah Alam. JK PSM telah memulakan siri-siri bagi program Model Kepimpinan IKRAM (MKI).

Projek yang komprehensif dan integratif ini dirangka bagi menyediakan bakat kepimpinan di kalangan ahli IKRAM yang berdaya saing dalam usaha memacu perubahan masyarakat dan negara selaras dengan keperluan masakini

Bermula dengan proses sarin-gan yang menggunakan pendekatan “best practice”, peserta yang

terpilih kemudian di susun dalam satu program pembangunan bakat yang memerlukan komitmen peserta selama antara dua hingga tiga tahun.

Selain di berikan latihan-latihan kemahiran dalam kelas (daurah), program MENTORING, dan projek-projek Khas turut diberikan bagi mengembangkan bakat kepimpinan peserta di samping memastikan ciri ciri kepimpinan dalam diri peserta dapat di applikasi dengan baik.



Sebahagian peserta di yang terlibat di dalam program MKI





SISTEM PENGURUSAN DAIE CEMERLANG (SPDC)

Pendahuluan

Duat hari ini berhadapan dengan medan dakwah yang amat mencabar. Dengan perkembangan teknologi maklumat yang canggih; maklumat hari ini berada di hujung jari; masyarakat menjadi lebih terdedah dengan kepelbagaian maklumat serta daya pemikiran yang canggih. Di samping itu juga terdedah kepada medan operasi dakwah yang bertambah menggugat prinsip-prinsip sebagai seorang duat.

Berhadapan dengan realiti dakwah yang penuh mencabar, satu sistem pengurusan medan dakwah yang secara kolektif akan membantu daie untuk sentiasa fokus kepada matlamat dakwah, memberikan perhatian pembangunan diri dan serta memastikan kesepaduan tindakan dakwah peribadi dengan halatuju gerakan dakwah sudah pasti ianya akan menyumbang kepada kecemerlangan prestasi dakwah daie tersebut.

Sistem Pengurusan Daie Cemerlang ataupun akronimnya SPDC adalah satu inisiatif IKRAM untuk menggembelng tenaga ahli-ahli IKRAM ke arah menjana komitmen, fokus dan membina kesepaduan ke arah pencapaian Rancangan IKRAM.

Falsafah SPDC.

Falsafah SPDC berteraskan kepada beberapa prinsip-prinsip asas amal Islam. Antaranya

1. Kejelasan Matlamat Dalam Usaha-Usaha Dakwah

Kejelasan matlamat dalam usaha-usaha dakwah merupakan suatu kepastian. Ianya berlandaskan kepada ayat 108 Surah Yusuf.

Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain."

Ayat di atas memberikan penekanan perkara yang paling utama dalam usaha-usaha dakwah iaitu kejelasan matlamat yang ingin di capai. Jika kita jelas hal ini, maka strategi dan jalan-jalan yang akan kita lalui juga akan menjadi jelas.

Tujuan hidup adalah mendapat keredhaan Allah azza wa jalla. Matlamat perjuangan kita bagi membolehkan tujuan tersebut dicapai adalah menegakkan ajaran dan kefahaman Islam yang benar-benar bersumberkan isi dan inti kandungan al-Quran dan al-Sunnah. Dengan kefahaman dan kejelasan matlamat akan menjanakan tindakan yang jelas dan bersepadu di kalangan duat.

2. Membina suasana pembelajaran dan pembangunan diri berterusan

Duat yang cemerlang ada duat yang sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan amal. Ciri ini diasaskan kepada sabda Rasulullah S.A.W :

"Manusia yang bijak ialah manusia yang sentiasa menghisab dirinya dan berusaha untuk hari matinya. Manusia yang lemah ialah manusia yang sentiasa mengikut nafsunyadan sentiasa berangan-angan terhadap Allah taala"(Riwayat At-Turmuzi)

Hadis ini mengajar kita bahawa seorang muslim haruslah sentiasa berusaha untuk memperbaiki diri dan kehidupannya dari hari ke hari. Jika kita lihat kepada cara hidup Rasulullah s.a.w. kita akan dapati bahawa Rasulullah s.a.w. dan para sahabat adalah manusia-manusia yang sangat gigih berjihad dan melaksanakan amal dakwah tetapi mereka juga adalah manusia-manusia yang kuat beramal. Sehingga mereka dikenali sebagai: "Ahli-ahli ibadat di waktu malam dan pekuda-pekuda di waktu siang".

3. Penyejajaran Matlamat Peribadi dengan Organisasi

Menghayati dan melaksanakan amal jamaie merupakan satu tuntutan bagi mereka dalam medan dakwah. Ciri ini diasaskan kepada firman Allah taala dalam surah As-Saff: 4:

Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela ugamanya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh.

Ianya juga berlandaskan hadith yang bermaksud

"Hendaklah kamu berada dalam jamaah, kerana sesungguhnya berjamaah itu adalah rahmat sedang perpecahan itu merupakan azab." (Muslim)

Dalam konteks amal dakwah penggabungan kepada jamaah adalah wajib kerana tugas dakwah adalah besar dan berat. Ia tidak mungkin dapat dilaksanakan dan dicapai secara sendiri.

Untuk memastikan penghayatan dan pelaksanaan amal jamaie yang benar, berikut adalah perkara yg perlu di hayati oleh pendakwah:

- Mempunyai kefahaman yang jelas dan penghayatan yang amat mendalam terhadap asas-asas amal jamaie
- Penggabungan kepada Jemaah yang berlandaskan atas kejelasan dan penghayatan terhadap perancangan jamaah. Kefahaman yang jelas terhadap perancangan jamaah akan memastikan setiap tindakan dan amal daie itu selari dengan perancangan jamaah dan memberikan pertimbangan kepada kepentingan jamaah.

Apa itu SPDC

SDPC adalah satu sistem pengurusan amal yang dilaksanakan di semua peringkat keahlian IKRAM untuk memastikan kecemerlangan Dakwah. Ianya merupakan sistem pengurusan yang akan membantu daie dalam merancang perjalanan dakwah, mengenal pasti usaha untuk pemeringkatkan(menambah baik) kapasiti daie, mewujudkan suasana dialog yang sihat dan berterusan serta memantau pencapaian matlamat dakwah. Ianya adalah berlandaskan Surah Al-Hasyr ayat 18:

” Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat), dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

Perancangan merupakan sunnatullah, sehingga siapa saja yang tidak melakukan perancangan dengan baik samada dia orang beriman atau orang kafir maka akan berhadapan pelbagai masalah bahkan kegagalan. Seperti kata pepatah “ Fail to plan is planning to Fail”. Atas dasar itulah ayat di atas, Allah SWT memerintahkan kita untuk membuat perancangan tentang orientasi dan aktiviti dakwah selepas kita disuruh untuk beriman dan bertakwa.

Ianya juga bertepatan dengan Sabda Nabi

” Jika engkau ingin mengerjakan sesuatu pekerjaan maka fikirkanlah akibatnya, maka jika perbuatan tersebut baik, ambillah dan jika perbuatan itu jelek maka tinggalkanlah” (HR Ibnu Mubarak)

Ianya berasaskan kepada hadith di bawah:

“Jika Engkau ingin mengerjakan suatu pekerjaan, maka pikirkanlah akibatnya, maka jika perbuatan tersebut baik, ambillah dan jika perbuatan itu jelek, maka tinggalkanlah.” (HR. Ibnu Mubarak)

kanlah.” (HR. Ibnu Mubarak)

SPDC akan memastikan tenaga dakwah di janakan secara bersepadu dalam mencapai visi dan misi IKRAM. Ianya akan memudah cara penglibatan Daie di semua peringkat dengan:

- Mensejajarkan penglibatan dakwah dengan visi dan misi IKRAM;
- Melahirkan ahli-ahli yang berkualiti mengikut acuan tarbiyah Jemaah untuk mendokong misi dakwah
- Memacu usaha dakwah dengan cemerlang

Proses SPDC

SPDC akan mempunyai tiga langkah utama yang perlu di laksanakan oleh setiap ahli IKRAM. Ianya akan dilakukan dengan kerjasama Naqib / Murabbi dan ahli IKRAM.

Penetapan Objektif PDC

Ini merupakan langkah pertama di mana ahli IKRAM akan duduk berbincang dengan Naqib / Murabbi untuk menetapkan apakah objektif yang ingin di capai dalam tahun tersebut. Penetapan objektif merangkumi semua aspek medan dakwah ahli tersebut dan antaranya ialah:

- a. Medan Amal : Apakah fokus dan matlamat yang ingin di capai dalam medan yang dipilih dan diceburi untuk tahun ini. Contohnya ingin mempertingkatkan aktivisme di kawasan tempat tinggal seperti terlibat dalam pengurusan surau penempatan.
- b. Pembangunan Diri ahli usrah yang dipimpin: Apakah menjadi matlamat utama yang ingin dibangunkan dalam diri-diri ahli yang di pimpin. Contohnya mempertingkatkan tahap keahlian ahli-ahli usrah yang di pimpin
- c. Pembangunan Diri : Apakah bidang-bidang yang ingin difokuskan untuk pembangunan diri pada tahun ini. Contohnya membangunkan kemampuan untuk memberikan penyampaian yang berkesan mengenai Maqasid Syariah kepada masyarakat umum.
- d. Pembangunan Ahli Jawatankuasa yang di pimpin : Apakah kemahiran-kemahiran dan penguasaan pengurusan yang ingin dipertingkatkan di kalangan ahli yang berada dalam Jawatankuasa yang di pimpin. Contoh kemahiran ahli Jawatankuasa untuk mengendalikan majlis Jawatankuasa yang mempunyai impak yang tinggi.
- e. Kewangan : Apakah jumlah sumbangan kewangan yang ingin diberikan kepada organisasi dan persatuan yang diannya terlibat. Contoh sumbangan tetap sebanyak RM 500 sebulan kepada tabung aktivisme Organisasi
- f. Pembangunan Keluarga : Pembangunan keluarga



TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH PUSAT
- PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA -

Penaung

- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria

Ketua Editor

- Azamuddin Mohd Maarof

Penulis:

- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria
- Ustaz Abd Muhaimin Mohammad Shahar
- Ustazah Kamaliah Nordin
- Zaharudin Othman

Penulis / Penterjemah:

- Ustaz Abd Muhaimin Mohammad Shahar

Pengurus/Susunatur/Grafik

Hanafi Sudi@Yusoff

Diterbitkan oleh :

Jawatankuasa Tarbiah Pusat,
Pertubuhan IKRAM Malaysia
(IKRAM),


Tel + 603 - 8945 6999,

+ 603 - 8945 3666

Fax +603 - 8945 1772

tarbiatuna.ikram@gmail.com

Dicetak oleh :



Mashi Publication Sdn Bhd

Tel: 03-9076 6311

Fax: 03-9075 4311

mashipublication@yahoo.com



- g. sebulan kepada tabung aktivisme Organisasi
- h. Pembangunan Keluarga :
Pembangunan keluarga melibatkan dalam memupuk kasih sayang dan juga membina kapasiti ahli keluarga dalam menggembeng tenaga dalam dakwah. Contoh memastikan semua anak-anak yang berada di IPT melibatkan dalam program IKRAM dan menjadi ahli aktif IKRAM di akhir pengajian.

Persetujuan matlamat ini di capai setelah berlaku perbincangan antara Naqib dan ahli dan mengambil kira keperluan dakwah semasa kawasan. Lanya juga melihat kepada tahap kemampuan ahli tersebut. Perancangan dakwah ini akan didokumenkan dalam boring SPDC dan akan menjadi rujukan dalam setiap perbincangan bimbingan yang di lakukan pada langkah kedua.

1. Bimbingan dan Penambahbaikan

Langkah ini memberi penekanan supaya Naqib dan ahli melakukan dialog bimbingan dan menilai kemajuan dalam setiap aspek PDC yang telah ditetapkan dalam langkah pertama. Dialog bimbingan bertujuan untuk mengenal pasti isu-isu dan halangan yang di hadapi oleh. Naqib dan ahli mengenal pasti apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Dialog bimbingan ini perlu di lakukan sekurang-kurangnya 2 kali dalam tahun tersebut dan perlu di dokumenkan untuk rujukan di masa akan datang

2. Pencapaian dan Melihat Ke hadapan

Dalam langkah ini Naqib dan ahli melakukan penilaian terhadap pencapaian dalam matlamat yang telah ditetapkan dan mengenal pasti "Lesson Learnt" sepanjang tahun tersebut. Lanya amat penting untuk menjadi iktibar dalam merangka matlamat baru di tahun yang akan datang.

Proses SPDC ini adalah proses yang berterusan dan akan dilakukan setiap tahun.

Manfaat SPDC

Sekiranya dilakukan secara berkesan, SPDC akan membawa banyak manfaat kepada organisasi di semua peringkat.

Antaranya:

1. Jawatankuasa Pusat dan Negeri

- Memudah cara komunikasi dan kefahaman tentang Perancangan IKRAM
- Membantu dalam membudayakan Perancangan IKRAM dalam pengurusan organisasi IKRAM
- Pemantauan yang berkesan terhadap penglibatan ahli

2. Naqib dan Murabbi

- Pengurusan dan pensejajaran penglibatan Ahli
- Satu proses membina komunikasi dan kefahaman ahli terhadap Perancangan IKRAM
- Pemantauan pencapaian yang sistematik
- Membuka peluang untuk melaksanakan aktiviti bimbingan

3. Ahli

- Kejelasan penglibatan
- Satu proses untuk memahami perancangan IKRAM dan pengharapan organisasi
- Membuka peluang untuk "dialog" dengan Murabbi tentang pencapaian dakwah dan amal
- Membuka lagi satu peluang untuk proses "muhasabah"

Penutup

Untuk menjayakan pelaksanaan SPDC memerlukan sokongan di semua peringkat. Di samping itu beberapa perkara perlu wujud untuk memastikan kejayaan pelaksanaan SPDC seperti :

- Dokongan yang kuat dari Pimpinan Tertinggi IKRAM
- Perancangan IKRAM yang di fahami semua
- Proses pelaksanaan yang fleksibel dan mudah di laksanakan
- Komunikasi yang berterusan terhadap pencapaian yang di harapkan
- Wujudkan pengukuran yang seimbang
- Pemantauan yang berterusan terhadap pencapaian dan dilakukan secara berkala
- Penggunaan teknologi dalam menyokong pelaksanaan
- Naqib dan ahli di berikan kemahiran untuk melaksanakan sistem dan proses.